

# BAB I

## SEJARAH HIDUP SAYYID QUTB

### 1.0 Pengenalan

Sejarah hidup Sayyid Qutb bermula dari kelahiran pada tahun 1906 sehingga kematian beliau pada tahun 1966. Sebagai seorang tokoh pejuang Islam, banyak dugaan dan cabaran yang dilalui dengan penuh yakin dan tabah dalam mengharungi dunia Islam Mesir. Penulis juga akan menjelaskan pendidikan yang diterimanya, penglibatan beliau dalam Ikhwan Muslimin dan pengalaman beliau ketika berkhidmat di luar negara. Nama sebenarnya ialah Sayyid Qutb Ibrahim Hussain Shazali.<sup>1</sup> Qutb merupakan gelaran bagi keluarganya.<sup>2</sup> Bapanya Haji Ibrahim mempunyai lima orang anak, dua lelaki dan tiga orang perempuan iaitu Nafisah, Sayyid, Aminah, Muhammad dan Hamidah.<sup>3</sup>

Ibunya Fatimah binti Hussain<sup>4</sup> merupakan seorang perempuan yang mulia dan sering bersedekah, menyediakan makanan kepada orang-orang yang membaca al-Quran di rumahnya dan kepada orang-orang yang bekerja di ladang mereka. Fatimah menanamkan asas-asas keimanan terhadap anak-anaknya dan beliau mahukan mereka menjadi orang yang taat terhadap perintah Allah S.W.T.

Sayyid Qutb dilahirkan di sebuah kampung iaitu Mosha di Asyut pada 9 Oktober 1906<sup>5</sup> sewaktu Mesir berada di bawah tiga kuasa besar yang sering bertelagah iaitu raja-raja dari keturunan Muhammad Ali (1805-1956), penjajah Inggeris (1882-1956) dan parti Wafd (1919-1956).

Pengalaman hidupnya banyak berinteraksi dengan nilai-nilai Barat yang cuba menyisihkan persoalan agama dan ketuhanan. Walau bagaimanapun beliau lahir di dalam keluarga yang berada dan bertiltizam dengan ajaran Islam. Sayyid Qutb hidup dalam suasana Islam di kampungnya dan mendapat bimbingan dari kedua ibu bapanya dalam menjalani kehidupannya yang lebih bercorak keislaman. Bapanya Haji Ibrahim Qutb merupakan seorang yang kuat pegangan agamanya dan patuh beribadah.<sup>6</sup> Beliau seorang petani. Ibunya Fatimah binti Uthman seorang wanita yang kuat beribadat dan patuh kepada ajaran Islam.

Peingkat pertama kehidupan Sayyid Qutb bermula daripada kelahirannya, pendidikan awal yang diperolehi daripada ibu bapanya yang kuat berpegang pada agama. Mula memasuki sekolah rendah di kampungnya pada tahun 1912 hingga 1918. Keistimewaan beliau ialah menghafaz al-Quran ketika berusia 10 tahun. Pada Tahun 1919 beliau tidak dapat meneruskan pelajarannya kerana Mesir pada masa itu menghadapi zaman revolusi. Kesempatan ini telah menggalakkan beliau mengkaji pelbagai bidang ilmu.<sup>7</sup>

Sayyid Qutb dibesarkan dan mendapat pendidikan awal di kawasan pendalam sehingga dewasa. Suasana kampung yang tidak dipengaruhi oleh unsur-unsur moden menyebabkan beliau tidak dipengaruhi perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam. Ibu bapa Sayyid Qutb sangat kuat berkeinginan melihat anak-anaknya mendapat pendidikan tinggi. Keluarga itu kemudiannya berpindah meninggalkan kampung dan menetap di Helwan, sebuah bandar satelit bagi Kaherah.<sup>8</sup> Sayyid Qutb kemudiannya menyambung pelajaran di peringkat sekolah menengah di Kaherah iaitu di Tajhiziah Dar al-Ulum.

Peringkat kedua kehidupannya ialah ketika beliau tinggal di Kaherah sehingga menjawat pekerjaan. Beliau berpindah ke Qaherah pada tahun 1921 ketika umurnya empat belas tahun dan tinggal di Zaitun. Kemudiannya beliau menyambung pelajaran dengan memasuki Maktab Perguruan Abdul Aziz bermula 1922 hingga 1925.<sup>9</sup>

Setelah tamat pengajian di Maktab Perguruan, Sayyid Qutb menyambung pelajaran di peringkat Darul Ulum pada tahun 1925. kemudian memasuki Universiti Darul Ulum pada tahun 1929 dan menamatkan pengajiannya pada tahun 1933 dengan memiliki Sarjana Muda dalam bidang kesusasteraan (Pendidikan).<sup>10</sup> Setelah tamat pengajian, beliau kemudiannya dilantik menjadi Profesor di kolej itu kerana menghargai keilmuannya.

Peringkat ketiga kehidupannya bermula pada tahun 1939 hingga 1951, Sayyid Qutb mulai merasakan ruh Islam perlu dibangunkan. Kesedaran ini membuatkan beliau bekerja dengan semangat Islam. Dalam tempoh ini beliau menjawat pekerjaan sebagai pegawai di Kementerian Pelajaran selama 8 tahun, iaitu dari tahun 1940 hingga 1948.<sup>11</sup> Setelah itu beliau dihantar ke Amerika untuk berkhidmat di sana.

Semasa menjalankan tugasnya di dalam bidang pendidikan, beliau banyak berfikir dan merancang pelbagai pembaharuan terutamanya di dalam bidang pendidikan. Pembaharuan yang ingin beliau lakukan adalah pembaharuan dalam bentuk yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Dalam tempoh ini juga iaitu pada tahun 1949<sup>12</sup> beliau dihantar ke Amerika untuk mengkaji sistem pendidikan di sana selama dua tahun.

Sayyid Qutb mulai menjadi anggota pertubuhan Ikhwan Muslimin pada tahun 1954 hingga 1964<sup>13</sup>. Beliau sangat terpengaruh dengan keperibadian dan perjalanan hidup pengasas dan pemimpin agong pertubuhan ini iaitu Syeikh Hasan Al-Banna yang telah mati ditembak semasa pemerintahan Kerajaan Farouk pada tahun 1948.<sup>14</sup>

Dalam tahun 1954 Sayyid Qutb telah dihukum penjara selama 15 tahun kerana dituduh berniat jahat untuk membunuh Presiden Gamal Abd al-Naser dan pada akhir tahun 1964 beliau kemudiannya dibebaskan. Seterusnya beliau ditangkap semula dan dibicarkan di Mahkamah Khas Tentera di mana beliau dikenakan hukuman mati di tali gantung bersama-sama dua orang rakan seperjuangannya iaitu Yusuf Hawasy dan Abd al-Fatah Ismail.<sup>15</sup> Sayyid Qutb menemui kematian pada tahun 1966<sup>16</sup> sebagai seorang mujahid Islam setelah menghadapi pelbagai penyiksaan di dalam penjara dan hukuman bunuh yang dikenakan ke atasnya.

### **1.1 Karya Sayyid Qutb**

Semasa hayatnya Sayyid Qutb banyak menulis buku-buku yang meliputi pelbagai bidang seperti sastera, pendidikan, politik, ekonomi, kemasyarakatan, falsafah dan agama. Aliran pemikiran Islam dan dakwah Sayyid Qutb disalurkan melalui karya-karya penulisannya.

Karya-karya beliau banyak membangkitkan semula ruh Islam ke dalam jiwa masyarakat. Bagi Sayyid Qutb penulisannya mempunyai dua tujuan utama iaitu menjelaskan tentang Islam dan bagaimana ianya diturunkan. Keduanya ialah menerangkan kenyataan bahawa kaum muslimin pada zamannya telah menjauhi

bentuk Islam yang sebenar. Bagi menjelaskan keadaan ini beliau cuba membandingkan kebenaran Islam dengan kesesatan jahiliyyah.<sup>17</sup>

Di dalam buku-buku beliau seperti *Fi Zilal al-Quran*, *Hadha al-Din* dan *Ma'alim fi al-Tariq*, beliau lebih menekankan persoalan-persoalan akidah. Beliau dengan tegasnya mengatakan bahawa punca masalah akidah di zaman ini ialah falsafah Barat yang menganjurkan fahaman sekular iaitu fahaman yang memisahkan politik pemerintahan daripada agama. Ia adalah sebagaimana pengaruh falsafah yang melahirkan fahaman-fahaman yang menjadi masalah akidah di zaman silam seperti Qadariyyah, Jabariyyah dan Muktazilah.<sup>18</sup>

Di dalam penulisannya Sayyid Qutb cuba membajai sifat dan akhlak yang mulia di kalangan kanak-kanak seperti wali-wali Allah agar generasi baru ini sentiasa berpegang dengan contoh teladan dan akhlak yang sempurna seperti yang ditunjukkan oleh para nabi dan wali-wali untuk dijadikan panduan manusia. Buku beliau *Asywak (Duri-duri)* mengisahkan tentang kasih sayang yang mutlak yang berakhir dengan tragedi. Dari penulisan ini memperlihatkan keperibadian mulia dan akhlak yang luar biasa penulisnya.<sup>19</sup>

Buku karangan Sayyid Qutb yang terpenting ialah *al-Adalat al-Ijtima'iyyah fi al-Islam* telah berjaya menghuraikan pandanganan Islam mengenai aspek ekonomi, politik dan keadilan sosial. Di dalam buku ini Sayyid Qutb cuba menggabung jalankan sejarah Islam pada zaman nabi dengan suasana yang wujud di Mesir pada masa itu. Menurut Sayyid Qutb dunia kini sedang melalui beberapa revolusi budaya dan mengalami sistem kehidupan yang tidak seimbang, hanya dengan aqidah yang benar

dan sistem sosial yang adil di bawah naungan Islam sahaja yang menyelamat dunia dari fahaman materialistik.<sup>20</sup>

Buku-buku karangan Sayyid Qutb *Tifl min al-Qaryah* (Anak Dari Desa) dan *Al-Madinah al-Masyhurah* (Kota Kerahmatan) mengisahkan kesederhanaan dan ketulenan hidup di desa, episod-episod kenangan, kesulitan, kejahilan, kemurahan dan secara ringkasnya meliputi aspek kehidupan dengan gaya penuh keindahan. *Al-Latif al-Arba'* merupakan karya penulisan beliau menyentuh tentang aspek-aspek kehidupan manusia dari segi kemanusiaan, berkhidmat untuk manusia, kecintaan terhadap manusia dan pengorbanan demi kemanusiaan.<sup>21</sup>

Buku Sayyid Qutb *Al-Taswir al-Fanni fi al-Islam*, menjelaskan secara umum tentang pelbagai bentuk ungkapan seni dalam al-Quran dan ciri-cirinya. Buku ini cuba mengungkapkan beberapa bentuk yang mengubah rasa dan membangkitkan daya khayal tentang suasana hati, suasana jiwa, kejadian yang dirasakan, peristiwa yang disaksikan yang mengungkap model manusia dan perwatakannya.<sup>22</sup>

Tafsir al-Quran *fi Zilal al-Quran*, telah mengabungkan unsur-unsur nasihat dan pemberian, peringatan dan kisah-kisah benar, *nur* dan pengesahan yang terkandung di dalam setiap ayat-ayat al-Quran. Tafsiran ini dibuat berdasarkan akidah yang mantap disertai kesabaran dan ketabahan mengikut pemikiran beliau tanpa merujuk kepada tafsiran yang terdahulu. Antara ciri-ciri unik tafsir ini ialah gaya penulisan yang indah, yang menampakkan Sayyid Qutb lebih cemerlang daripada para mufassirin lampau dan penulisan kitab-kitab hadith. Kemampuan Sayyid Qutb mengutip nas-nas daripada segala kitab tafsir yang terdahulu dan telah memasukkan maklumat ini di dalam

tafsirnya dengan cara yang penuh kepakaran sehingga ia tidak kelihatan sebagai suatu koleksi pendapat daripada tafsir-tafsir terdahulu tetapi seolah-olah sebuah ensiklopedia maklumat-maklumat. Kitab tafsir ini nyata bebas daripada sebarang pengaruh Israeliyyat.<sup>23</sup>

### **1.2 Penglibatan Sayyid Qutb Dalam Ikhwan Muslimin**

Ruh Islam yang menebal di dalam jiwa Sayyid Qutb menggalakkan beliau untuk mempertahankan dan memperjuangkan ajaran Islam. Atas kesedaran ini beliau mula mendekatkan dirinya dengan pergerakan Ikhwan Muslimin yang dipimpin oleh Hassan Al-Banna.

Tempoh tahun 1945 hingga tahun 1966 merupakan tempoh penting dalam kehidupan Sayyid Qutb di mana beliau menyertai gerakan Ikhwan Muslimin pada tahun 1945.<sup>24</sup> Pada masa itu Mesir baru selesai menghadapi perang Dunia Kedua. Gerakan Ikhwan Muslimin muncul sebagai desakan dari proses pembaratan dan desakan agar Mesir diberikan kemerdekaan.

Gerakan Ikhwan Muslimin seluruhnya menentang dominasi luaran sama ada unsur-unsur khurafat atau Barat. Perkembangan ini juga disebabkan oleh kegagalan sistem Barat di dalam perkembangan kerohanian, kesempurnaan Islam dan perkembangan keadaan sosial. Gerakan yang diperjuangkan oleh Sayyid Qutb bersama-sama Hassan al-Banna ini berusaha menjelaskan kepada umat Islam tentang konteks Islam yang menyeluruh seperti mana yang telah dijelaskan di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Dalam usaha menangkis arus pembaratan ini gerakan Ikhwan

Muslimin juga merasakan suatu tanggungjawab bagi mereka untuk menegakkan institusi khilafah sebagai sistem pemerintahan Islam.<sup>25</sup>

Tiga tokoh telah muncul sebagai pemimpin Ikhwan Muslimin iaitu Hassan Al-Hudhaibi, yang kemudiannya menjadi ketua pertubuhan itu, Abdul Qadir Audah, menjadi Ketua Setiausaha dan Sayyid Qutb menjadi pengarang dan ideologi kepada Ikhwan Muslimin.<sup>26</sup> Salah satu pergerakan dakwah yang dilakukan oleh Ikhwan Muslimin ialah menyusun semula pergerakannya dan melaksanakan program-program pendidikan dan penyusunan semula masyarakat di bawah sistem Islam. Akhirnya Ikhwan Muslimin diharamkan dan pemimpin-pemimpin dan anggota-anggotanya dipenjara kerana pertubuhan ini dituduh bersubahat menentang kerajaan. Pengharaman ini dilakukan ketika Mesir di bawah pemerintahan Kerajaan Gamal Abd al-Nasser.

### **1.3 Pengalaman Sayyid Qutb di Amerika**

Semasa memegang jawatan sebagai nazir sekolah-sekolah di Kementerian Pelajaran beliau telah dihantar berkhidmat di Amerika. Di Mesir jawatan ini merupakan jawatan yang berpengaruh dan dihormati. Penghantaran beliau ini bertujuan untuk mengkaji sistem pendidikan dan latihan moden yang dijalankan di beberapa kolej dan universiti di sana.<sup>27</sup>

Semasa di Amerika beliau melawat pelbagai maktab dan pernah tinggal di Maktab Perguruan Wilson di Washington, Maktab Perguruan Grayley di Colorado dan Universiti Stamford. Di samping itu beliau berkesempatan melawat New York, Chicago, San Francisco, Los Angeles dan bandaraya-bandaraya lain. Beliau juga singgah beberapa minggu di England, Itali dan Switzerland.<sup>28</sup>

Setelah menghadiri beberapa institusi pengajian ini Sayyid Qutb membuat kajian sistem pendidikan di Amerika jauh berbeza dengan apa yang wujud di Mesir. Setelah kembalinya dari Amerika beliau telah mengemukakan beberapa cadangan yang berkaitan dengan sistem pendidikan, tetapi semua cadangannya ditolak oleh kerajaan. Ini disebabkan beliau membuat kesimpulan bahwa sistem tatacara hidup masyarakat Amerika keseluruhannya termasuk sistem pendidikan berteraskan materialistik.<sup>29</sup>

Perbezaan yang ketara antara cara hidup dan sistem pendidikan di Amerika menyebabkan Sayyid Qutb merasakan sistem pendidikan Amerika tidak layak menjadi sistem pendidikan di Mesir. Cadangan beliau mendapat tentangan dari pihak kerajaan. Penghantaran Sayyid Qutb ke Amerika adalah lebih bersifat menyingkirkan beliau dari perkhidmatannya.<sup>30</sup>

Sekembalinya dari lawatan ke Amerika, Sayyid Qutb dapat membuat kesimpulan berkenaan keupayaan materialistik di dunia Barat dan kepincangan yang lahir daripadanya. Konsep demokrasi Barat baginya tidak lebih daripada suatu kepalsuan yang mengamalkan diskriminasi sesama manusia berdasarkan perbezaan warna kulit.<sup>31</sup> Manusia kulit putih sedang mengamalkan penindasan di luar perikemanusiaan ke atas bangsa kulit hitam. Sayyid Qutb berkeyakinan bahawa demokrasi barat yang dilaung-laugkan ke seluruh dunia menyimpang jauh daripada nilai-nilai kemanusiaan. Bagi beliau hanya Islam sahaja agama yang hak dan benar-benar dapat menjamin kejayaan dan kedamaian manusia sejagat.

Pengalamannya ini membuatkan jiwanya semakin bergolak dengan perasaan anti penindasan kaum, kepalsuan penyatuan demokrasi dan kepura-puraan konsep keadilan dan kebebasan di Barat. Bagi Sayyid Qutb lawatannya ke Amerika sebagai suatu revolusi di dalam kehidupannya. Ketinggian Islam mula bertambah di dalam jiwanya dan kecintaannya terhadap Islam. Beliau mula menyerahkan seluruh kehidupannya untuk Islam. Beliau mula mengkaji dan mempelajari Islam secara intensif.<sup>32</sup> Kesungguhan beliau ini merupakan suatu usaha di dalam melakukan perubahan di dalam masyarakat terutamanya masyarakat Islam Mesir ketika itu.

Sekembalinya dari Amerika Sayyid Qutb telah menghasilkan sebuah buku bertajuk *Amerika Allati Ra'aitu* (*Amerika yang Aku Lihat*) yang menolak idea-idea Barat sebagai model dalam kehidupan.<sup>33</sup> Jiwa beliau semakin berkobar-kobar untuk menegakkan sistem Islam di samping menangkis sistem pembaratan yang mempengaruhi masyarakat ketika itu.

### Rumusan

Kehidupan yang dilalui oleh Sayyid Qutb penuh dengan cabaran terutamanya di dalam memperjuangkan syariat Islam. Sayyid Qutb dan keluarganya merupakan pejuang Islam abad ke 20 yang menggemparkan dunia dan masyarakat Islam kerana ketabahan mereka berjuang sehingga menerima hukuman yang berat yang dikenakan oleh pihak pemerintah iaitu beliau menerima hukuman bunuh di tali gantung.

Sifat-sifat peribadi Sayyid Qutb menjadikan beliau sebagai seorang pejuang Islam yang dicontohi. Ketabahan dan keimanan yang mendalam telah menyebabkan Sayyid Qutb sentiasa bersabar dalam menangani apa jua cabaran dan rintangan yang

dihadapi oleh umat Islam. Walaupun perjuangan beliau berakhir di tali gantung namun kesan semangat juang yang kental telah menjadikan Sayyid Qutb pejuang Islam yang disanjung tinggi dan digelar Asy-Syahid.

Semangat juang yang ada pada diri dan keluarga Sayyid Qutb merupakan pengorbanan mereka dalam menegakkan agama Islam. Pelbagai cabaran terpaksa ditempuhi kerana masyarakat pada masa itu telah dipengaruhi oleh dasar imperialism Barat yang meruntuhkan. Perjuangan Sayyid Qutb ini merupakan suatu jihad bukan sahaja melibatkan tenaga malah turut melibatkan nyawa beliau.

## Nota Hujung

1. Salah Abd Fatah Al-Khalidi, *Sayyid Qutb Al-Syahid al-Hayy*, (Amman: Maktabah al-Aqsi, 1991), hlm. 51.
2. Ibid., hlm 51.
3. Ibid., hlm. 62.
4. Ibid., hlm. 60.
5. Abd al-Baqi Muhammad Hussin, *Sayyid Qutb Hayatuhu wa Adabuhu*, (Cairo: Dar al-Wafa' li Taba'ah wa al-Nushur wa al-Tauzi', 1986), hlm. 17.
6. S.Badrul Hasan, *Bibliografi Asy-Syahid Qutb*,( Kuala Lumpur: Penerbitan Hizbi, 1995) hlm. 3.
7. Sayyid Qutb, *Petunjuk Sepanjang Jalan*, (Kuala Lumpur: Cresent News Sdn Bhd, 1994), hlm.1.
8. S. Badrul Hasan, *Bibliografi*, hlm. 5.
9. Ibid.hlm. 5.
10. Ibid.hlm. 5.
11. Ibid., hlm. 6.
12. Sayyid Qutb, *Petunjuk*, hlm.1.
13. S.Badrul Hasan, *Bibliografi*, hlm.5.
14. Sayyid Qutb, *Petunjuk*, hlm.1.
15. Sayyid Qutb, *Inilah Islam*, (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 2000), hlm. 10.
16. Sayyid Qutb, *Petunjuk*, hlm. 1.
17. S.Badrul Hasan, *Bibliografi*, hlm.27.

18. Sayyid Qutb, *Khasais al-Tasawwaru al-Islami wa Muqawimatihî*, (*Beirut: Dar al-Syuruk, 1980*), hlm.10-13.
19. S.Badrul Hasan, *Bibliografi*, hlm.18.
20. Ibid.hlm .18.
21. Ibid., hlm. 25.
22. Sayyid Qutb, *Keajaiban al-Quran*, (Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar,1983) ,hlm .2.
23. S.Badrul Hasan, *Bibliografi*, hlm. 27.
24. Sayyid Qutb, *Petunjuk*, hlm. 1.
25. S. Badrul Hasan, *Bibliografi*. hlm.45.
26. Ibid., hlm.51.
27. Ibid., hlm. 5.
28. Ibid., hlm. 6.
29. Ibid.hlm.6.
30. Ibid., hlm. 24.
31. Ibid. hlm. 6.
32. Ibid., hlm.25.
33. Ibid., hlm. 24.